

**PERSEKITARAN POLITIK SEBAGAI MOTIF
EKSPATRIASI AKADEMIK EKSPATRIAT BERDIKARI
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM MALAYSIA**

**Muhammad Safuan Yusoff^{1*}, Irma Wani Othman², Norazah Mohd Suki³,
Hasbullah Awang⁴, Herlina Jupiter⁵, Rudie Adie Razak⁶**

^{1*}, ³, ⁴, ⁵ & ⁶ *Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah,*
², *Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah*

ABSTRAK

Persekitaran politik di negara asal mahupun di negara tuan rumah sememangnya merupakan perkara penting yang perlu dilihat sebelum sesuatu keputusan untuk melakukan ekspatriasi dapat dilakukan. Keadaan politik yang stabil mahupun sebaliknya sama ada di negara asal ataupun tuan rumah akan menjadi daya penarik utama bagi akademik ekspatriat berdikari membuat keputusan bagi meneruskan kerjaya ke peringkat yang lebih baik. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk melihat adakah motif persekitaran politik memainkan peranan penting sebelum keputusan untuk melakukan ekspatriasi dapat dibuat oleh akademik ekspatriat berdikari. Melalui penggunaan kaedah kualitatif menerusi kajian kes intrinsik ke atas tiga puluh orang akademik ekspatriat berdikari di empat (4) buah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia yang terlibat secara sukarela untuk ditemubual dengan menggunakan kaedah temubual semi struktur, hasil kajian dapat diperolehi. Hasil dapatan penyelidikan mendapati bahawa motif persekitaran politik merupakan salah satu utama yang dibincangkan oleh responden kajian yang mana ianya dapat dilihat melalui dua sub tema iaitu ketidakstabilan politik negara asal dan kestabilan politik di negara tuan rumah. Justifikasi yang dinyatakan oleh akademik ekspatriat berdikari dalam melakukan ekspatriasi ini adalah disebabkan perasaan ketidakpuasan hati mereka terhadap peristiwa pahit yang berlaku di negara asal yang dikaitkan dengan perkara-perkara negatif yang mana jika mereka terus berada di negara asal pastinya hidup mereka tidak akan dapat mencapai keberjayaan dalam mencapai kejayaan kerjaya sebagai seorang ahli akademik.

Kata kunci: *Motif Ekspatriasi, Persekitaran Politik, Akademik Ekspatriat Berdikari, Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia.*

* Corresponding author: Muhammad Safuan Yusoff, *Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah.* E-mail: safuan_y@yahoo.com

Pengenalan

Kebanjiran akademik ekspatriat berdikari antarabangsa di dua puluh buah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun dan ianya bukan merupakan fénomena yang baharu di negara ini (MOHE, 2017). Motif kehadiran golongan akademik ekspatriat berdikari antarabangsa ini sememangnya mempunyai kaitan secara langsung dengan pembuatan keputusan berdasarkan pelbagai motif yang didorong iaitu budaya dan pengembaraan, kerjaya, ekonomi, perhubungan dan pegangan hidup (Norazah *et al.*, 2014; Muhammad Safuan *et al.*, 2015; 2016; Rudy *et al.*, 2016). Namun begitu motif persekitaran politik juga merupakan salah satu isu terpenting yang perlu diambilkira sebelum sesuatu keputusan dilakukan. Ini adalah kerana situasi keadaan politik di negara tuan rumah yang menjadi pilihan perlu dikaji terlebih dahulu agar keputusan yang diambil tidak akan mendatangkan sebarang permasalahan di kemudian hari.

Pandangan dan pendapat dari pelbagai pihak yang signifikan dalam kehidupan akademik ekspatriat berdikari juga perlu diambilkira sebelum seseorang individu tersebut mengambil keputusan bagi meneruskan kerjaya di negara tuan rumah (Gross, 2001; Richardson dan Mckenna, 2003; Richardson, 2006; Schoepp dan Forstenlechner, 2010). Melalui pembuatan keputusan yang dilakukan pastinya ianya melibatkan pertimbangan terhadap faktor keberuntungan keuntungan yang bakal diperolehi merangkumi kesemua aspek yang dinyatakan sebelum ini hasil daripada keputusan yang dilakukan (Norazah *et al.*, 2014; Muhammad Safuan *et al.*, 2015; 2016; Rudy *et al.*, 2016). Kepelbagaian motif yang terlibat merupakan isu terpenting yang perlu diambil kira sama ada sebelum, semasa dan selepas sesuatu keputusan yang dibuat sepanjang keberadaan akademik ekspatriat berdikari antarabangsa berada di negara tuan rumah (Norazah *et al.*, 2014; Muhammad Safuan *et al.*, 2015; 2016; Rudy *et al.*, 2016).

Sorotan Literatur

Pembuatan keputusan bagi melakukan ekspatriasi pastinya mempunyai perbezaan diantara individu dan ianya akan berubah mengikut keperluan individu dan peredaran masa (Ackers, 2005). Walaubagaimanapun pastinya setiap motif yang diutarakan mempunyai persamaan yang sama yang mana ianya akan mendatangkan keuntungan kepada masa depan kerjaya mereka sebagai ahli akademik ekspatriat berdikari di negara tuan rumah (muhammad Safuan *et al.*, 2016). Senario politik di negara asal mahupun di negara tuan rumah memainkan peranan yang penting dalam mengalakkan golongan ekspatriat berdikari mengambil keputusan untuk melakukan ekspatriasi.

Negara-negara yang mempunyai ciri-ciri keselamatan, keamanan dan kestabilan politik pastinya akan menjadi pilihan akademik ekspatriat berdikari untuk datang dan membangunkan kerjaya mereka di negara tersebut. Terdapat dua faktor dilihat sebagai faktor penyumbang kepada kedatangan ekspatriat berdikari ke Malaysia. Pertama, faktor penolak yang merujuk kepada situasi di negara asal yang menolak mereka untuk keluar dari negara itu dan kedua adalah faktor penarik yang merujuk kepada keadaan di negara tuan rumah yang mampu menarik minat ekspatriat untuk datang. Perkara ini dapat dilihat melalui kedatangan ekspatriat berdikari dari negara-negara kurang membangun seperti Bangladesh, India dan Indonesia yang memilih Malaysia sebagai tempat untuk mereka tinggal dan berkerjaya.

Faktor menolak yang dominan bagi membolehkan golongan akademik ekspatriat berdikari berhijrah ke negara lain adalah berpunca dari keadaan politik di sesebuah negara yang tidak stabil dan bersifat polarisasi, didapati lebih cenderung kepada pengamalan dasar-dasar yang tidak cekap atau sub-optimum, termasuklah penyelenggaraan sistem percukaian yang tidak cekap, perbelanjaan wang kerajaan yang lebih tinggi serta masalah hutang luar yang

lebih besar (Sharma, 2006). Ketidakstabilan politik sesebuah negara juga akan mempengaruhi perkembangan sistem pendidikan yang seterusnya membawa kesan negatif terhadap penyediaan infrastruktur dan sumber-sumber lain dalam bidang pendidikan yang mana akan merencatkan matlamat pendidikan sesebuah negara.

Bagi golongan ahli akademik ekspatriat berdikari pembangunan kerjaya mereka bergantung sepenuhnya kepada sistem pendidikan di negara yang didiami. Jika berlakunya perubahan politik yang membawa kepada ketidakstabilan dan merencatkan perkembangan dasar dan polisi negara, para sarjana akademik negara tersebut akan berkecenderungan berhijrah ke negara yang lebih stabil. Antara faktor yang mengakibatkan penghijrahan cendekiawan adalah berpunca dari sistem pendidikan negara tersebut tidak dapat memberikan pembangunan kerjaya yang sewajarnya kepada mereka, terutama dari sistem ganjaran pampasan, faedah kewangan dan bukan kewangan.

Literatur pengurusan ekspatriat mendapati bahawa kestabilan politik sesebuah negara memainkan peranan penting dalam memperkasakan sistem pendidikan di sesebuah negara terutamanya yang melibatkan golongan akademik ekspatriat berdikari. Kajian yang dilakukan oleh Nunn (2005) pula menyatakan disebabkan berlakunya ketidakstabilan politik dalam sesebuah negara, hak-hak kebebasan dan pendemokrasian pendidikan selalunya tidak akan dapat digunakan dengan sepenuhnya oleh warganegara sesebuah negara kerana disebabkan masalah persekitaran politiknya yang tidak stabil. Terdapat juga bukti-bukti tambahan yang menyatakan bahawa ketidakstabilan politik dan perubahan dalam kerajaan juga akan memberi kesan langsung terhadap golongan pendidik. Senario tersebut telah membawa kepada lambakan penghijrahan golongan akademik ekspatriat berdikari yang tidak mahu mengorbankan masa depan dan kerjaya mereka semata-mata terpaksa dibelenggu oleh pergolakan politik kerajaan yang tidak berkesudahan.

Rentetan dari ketidakstabilan politik sesebuah negara membawa implikasi membawa tindakan-tindakan luar jangka seperti rusuhan, pergaduhan, demonstrasi, bantahan, tunjuk perasaan dan sebagainya yang membawa kepada pencerobohan keselamatan yang tidak terjamin dan sekaligus menggugat keamanan seperti yang berlaku di negara Bangladesh (Datta, 2004). Melihat kepada keadaan ini, terdapat negara yang mengalami implikasi negatif di mana ianya mengakibatkan kesan jangka masa panjang kepada sesebuah negara terutamanya dari segi sistem pertumbuhan ekonomi. Manakala aktiviti sosial yang terganggu disebabkan oleh peperangan dan rusuhan memberi kesan secara langsung kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara itu (Hooghe, 2008). Selain itu ketidakstabilan politik disebabkan peperangan mencerminkan imej negara yang tidak selamat dan tidak berpotensi terhadap sebarang bentuk pelaburan ekonomi dan ini sekaligus akan menyebabkan pelabur asing kehilangan minat untuk melabur di negara tersebut. Tanpa kemudahan dan prasarana yang cukup, kegiatan ekonomi menjadi perlahan dan penawaran kepada sektor perkhidmatan khususnya pendidikan menjadi mundur disebabkan kurangnya sumber prasarana yang disediakan (Collier *et al.*, 2003).

Isu rasuah juga sering dikaitkan dengan isu politik yang mana melibatkan penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi. Semua bentuk pemerintahan pasti berlaku isu rasuah, sama ada sedar atau tidak (Pak, 2001). Statistik menunjukkan negara yang mempunyai kadar rasuah yang tinggi terdiri dikalangan negara yang mempunyai rakyat menganuti agama Islam dan Kristian fahaman Katolik (Pak, 2001). Manakala negara yang menggunakan perundangan Perancis ataupun sosialis dan mempunyai prestasi kerajaan yang lemah juga turut menyumbang kepada peningkatannya kadar rasuah (Bruce *et al.*, 2006). Ini berlaku sebaliknya kepada negara yang rakyatnya menganuti agama Kristian fahaman Protestant, negara di bawah jajahan British, negara yang mengamalkan undang-undang British, negara yang mengamalkan demokrasi dan kerajaan yang bersatupadu mencatatkan kadar rasuah yang rendah (David, 2006). Adalah jelas memperlihatkan bahawa motif persekitaran politik sememangnya merupakan motif terpenting dan perlu diambikira sebelum sesebuah keputusan diambil.

Metodologi Kajian

Pendekatan penyelidikan secara kualitatif telah diguna pakai dalam penyelidikan yang dijalankan ini. Pemilihan sebanyak empat buah Universiti awam yang dijadikan lokasi kajian kes telah dilakukan yang mana keempat-empat Universiti tersebut merupakan Universiti yang mempunyai bilangan akademik ekspatriat yang tertinggi. Seramai tiga puluh orang responden telah berjaya ditemubual berlandaskan satu set protokol temubual yang dibangunkan (Creswell, 2007; 2009; 2013). Reka bentuk kajian jenis kajian kes merupakan satu reka bentuk kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti dan mencari secara intensif mengenai latar belakang sesuatu perkara yang berlaku melalui interaksi persekitaran suatu unit sosial sama ada melibatkan secara individu, kumpulan, institusi atau komuniti (Yin, 2003; 2009). Kaedah temubual semi struktur telah digunakan bagi mendapatkan data dari responden kajian sebelum proses pengutipan data dijalankan (Creswell, 2007; 2009; 2013).

Pemilihan teknik persampelan bertujuan yang digunakan dalam penyelidikan ini disebabkan kerana ianya memudahkan pengkaji dalam menjalankan sesuatu kajian. Ini kerana subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih untuk dijadikan responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji (Bernard, 2000; Patton, 2002). Dalam konteks kajian ini, persampelan bertujuan yang dikenalpasti adalah menggunakan populasi dalam golongan akademik ekspatriat di empat lokasi kajian kes di mana ianya berdasarkan empat kriteria yang ditetapkan iaitu (a) seorang ekspatriat yang telah menetap di Malaysia selama 12 bulan, (b) berkhidmat di empat IPTA yang dipilih dan telah memperbaharui sekurang-kurangnya sekali kontrak perkhidmatan (c), mestilah terdiri daripada akademik ekspatriat yang melakukan ekspatriasi secara berdikari dan (d) akademik ekspatriat tersebut tidak berada dalam cuti sabatikal atau berstatus pertukaran kakitangan antara universiti. Data yang diperolehi kemudiannya akan diproses melalui analisis induktif dengan mengtranskrip rakaman audio temubual yang diperolehi (Seidman, 2006) dan seterusnya pengkategorian tema secara terperinci akan dilakukan melalui proses pengekodan yang mana merupakan langkah yang terpenting dalam proses menganalisis data dalam penyelidikan jenis kualitatif (Creswell, 2007; 2009; 2013).

Hasil Penyelidikan

Melalui sesi temu bual yang dijalankan bersama tiga puluh orang responden yang dipilih dari empat buah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia berkaitan motif yang dipertimbangkan sebelum akademik ekspatriat berdikari melakukan ekspatriasi, motif persekitaran politik merupakan salah satu motif terpenting yang diperbincangkan oleh responden. Bagi memudahkan pengkategorian tema di dalam proses pengekodan, dua sub motif telah dibangunkan iaitu Ketidakstabilan Politik Negara Asal dan Kestabilan Politik Negara Tuan Rumah yang terkandung di bawah motif persekitaran politik yang mana tujuannya bagi membantu menjelaskan lagi secara terperinci mengenai motif persekitaran politik tersebut.

Isu politik di sesebuah negara merupakan antara motif yang menyebabkan akademik ekspatriat berdikari mengambil keputusan untuk berekspatriasi. Keadaan politik di negara asal yang negatif menjadi faktor penolak manakala keadaan politik yang positif di negara tuan rumah menjadi faktor penarik kepada keputusan yang diambil. Menurut Sharma (2006) keadaan politik yang tidak stabil dan bersifat polarisasi, didapati lebih cenderung kepada pengamalan dasar-dasar yang tidak cekap yang mengundang kepada pelbagai masalah politik yang teruk. Dalam tema politik terdapat dua sub motif yang terkandung di bawahnya iaitu ketidakstabilan politik negara asal dan kestabilan politik negara tuan rumah. Ini dapat dilihat di dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Motif Ekspatriasi disebabkan Persekitaran Politik

i. Ketidakstabilan Politik Negara Asal	ii. Kestabilan Politik Negara Tuan Rumah
Responden 7 Responden 8 Responden 9 Responden 12 Responden 14 Responden 15 Responden 20 Responden 21 Responden 22 Responden 25	Responden 3 Responden 7 Responden 8 Responden 9 Responden 10 Responden 12 Responden 14 Responden 15 Responden 16 Responden 19 Responden 22 Responden 25 Responden 28

i. Ketidakstabilan Politik Negara Asal: Dalam sub motif pertama iaitu ketidakstabilan politik seramai 10 orang responden telah menyatakan pendorong kepada keputusan mereka berekspatriat adalah disebabkan ketidakstabilan politik di negara asal. Ini dapat dilihat melalui pernyataan yang diberikan oleh Responden 15 menyatakan bahawa keputusan yang diambil ini adalah disebabkan keadaan negara asal yang mana politiknya berada di dalam keadaan kucar kacir. Peperangan yang berlaku di negara asal menyebabkan Responden 15 tekad membuat keputusan berekspatriat bersama pasangan dan anak-anaknya bagi mengelakkan sebarang risiko yang mungkin berlaku kepada mereka. Menurut Responden 20 pula keputusan yang dilakukan adalah disebabkan pemerintahan politik di negaranya diperintah oleh kerajaan di bawah naungan kuku besi pihak militari ketenteraan di mana scenario politik yang tidak stabil dan kacau bilau telah menyusahkan dirinya dari segi ekonomi, apatah lagi kewujudan istilah kebebasan berakademik. Ini dapat dilihat melalui pernyataan di bawah:

“Saya memberitahu anda, tidak ada manusia yang sanggup meninggalkan negara asalnya untuk pergi ke negara lain. Tidak akan ada! Melainkan ada sebab yang menolak anda untuk keluar dari negara itu. Tetapi dalam kes saya seperti yang saya katakan di negara asal saya Afghanistan bukanlah tempat yang sesuai untuk tinggal, kerana keadaan politik yang kucar kacir, peperangan yang tiada penghujungnya membuatkan saya mengambil keputusan untuk keluar dari negara tersebut. Saya tidak mahu meletakkan risiko ke atas isteri dan anak-anak saya yang akan menjadi korban tidak tahu bila masanya di negara tersebut. Keadaan ini amat merunsingkan saya sehinggalah kami mengambil keputusan untuk berekspatriat dan datang ke Malaysia untuk memulakan hidup yang baru. Disebabkan itu saya telah lama tinggal di sini hampir empat belas tahun” (Responden 15)

“Di negara asal saya Bangladesh politik adalah tidak stabil kerana kerajaan yang memerintah adalah ‘Military Government’. Sangat sukar untuk mengamalkan kebebasan berakademik di situ. Pada masa yang sama disebabkan perubahan kuasa politik, keadaan ekonomi juga teruk sehinggakan sukar untuk mendapatkan kesenangan hidup. Maka, untuk meneruskan hidup, menyara keluarga saya perlu mencari kerja sambil di beberapa buah universiti lain. Kadang-kadang selama beberapa hari saya tidak dapat melihat wajah anak-anak saya kerana saya keluar rumah begitu awal pada waktu pagi dan pulang pada waktu malam, mereka sudah

tidur. Saya tidak sanggup lagi untuk hidup dalam keadaan begini disebabkan keadaan politik yang tidak stabil kami rakyatnya yang terpaksa menanggung derita.” (Responden 20)

Melalui pernyataan yang dinyatakan oleh Responden 15 dan 20 ini dapat dilihat bahawa kedua-dua responden berasa amat kesal dengan apa yang berlaku di negara asal mereka dan mencari peluang yang ada untuk lari dari masalah yang dihadapi. Mereka ini boleh diklasifikasikan sebagai “*refugees*” iaitu mereka yang melarikan diri dalam sesuatu situasi yang berlaku di negara asal (Richardson dan Mckenna, 2002). Faktor ketidakstabilan politik yang berlaku juga hak-hak kebebasan dan pendemokrasian pendidikan akan terjejas dan ini akan memberi kesan langsung terhadap golongan pendidik seperti yang terjadi kepada Responden 20 (Nunn, 2005). Ketidakstabilan politik tersebut menyebabkan kebimbangan terhadap arah aliran pendidikan tinggi, yang mana menyebabkan kecenderungan ahli akademik melarikan diri dari negara asal dan menyuarakan kekecewaan mereka dengan mengambil tindakan mencari peluang kerjaya yang lebih stabil di luar negara (Cao *et al.*, 2013).

ii. Kestabilan Politik Negara Tuan Rumah: Berdasarkan sub motif kedua pula iaitu kestabilan politik negara tuan rumah seramai 13 orang responden telah menyatakan keadaan Malaysia sebagai negara tuan rumah yang mempunyai kestabilan politik telah berjaya menarik minat mereka untuk datang. Perkara ini dapat dilihat melalui pernyataan yang dinyatakan oleh Responden 8. Beliau menyatakan ciri-ciri yang ada pada negara Malaysia seperti bertoleransi dan sikap rakyatnya yang positif membuatkan Malaysia menjadi pilihan bagi dirinya. Seterusnya bagi Responden 22 pula keharmonian yang wujud di Malaysia dengan adanya kepelbagaian kaum dapat hidup bersama dalam keadaan yang aman tanpa ada sebarang permusuhan membuatkan dirinya tertarik dengan apa yang dimiliki oleh negara Malaysia dan ini dapat dilihat melalui dua kenyataan yang dilontarkan oleh responden di bawah:

“Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang bertoleransi. Kepimpinan yang di bawa menunjukkan sikap yang patut di contohi oleh negara lain. Sikap-sikap rakyat Malaysia yang tidak agresif, baik hati, penyabar, saling membantu, bertolak ansur dan pemurah menarik ramai ekspatriat memilih negara ini. Disebabkan sikap yang ditunjukkan oleh Malaysia nama Malaysia telah bermain di seluruh dunia. ini adalah satu kelebihan semula jadi bagi Malaysia. Kedua, saya melihat bahawa Malaysia boleh dijadikan model bagi kebanyakan negara-negara Islam yang lain di mana cuba untuk mewujudkan sinergi kepelbagaian yang ada membawa kepada pembangunan negara yang begitu cepat. Ini adalah satu tren yang positif.” (Responden 8)

“Melalui pengamatan saya, negara-negara lain begitu tertarik dengan keharmonian yang wujud di Malaysia. Walaupun di Malaysia mempunyai kepelbagaian kaum yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India tetapi mereka mampu untuk hidup dalam keadaan aman dan tenteram tanpa ada sebarang persengketaan. Seperti yang diperkatakan oleh Perdana Menteri Malaysai pergi sahaja di negara mana sekali pun pasti soalan yang akan diajukan apakah formula yang digunakan oleh Malaysia dalam mewujudkan sebuah negara yang aman dan makmur politiknya. Keadaan yang wujud ini pastinya dapat menarik minat ramai ekspatriat untuk datang ke negara ini sekaligus dapat menyumbang kepada bidang kepakaran yang mereka miliki untuk dikongsi bersama rakyat Malaysia.” (Responden 22)

Pernyataan yang diberikan oleh Responden 8 dan 22 telah membuktikan bahawa kestabilan politik di Malaysia telah meyakinkan diri mereka bahawa keputusan yang dibuat dalam memilih Malaysia sebagai negara destinasi untuk meneruskan kerjaya sebagai ahli akademik adalah tepat. Dengan kestabilan politik yang ada tanpa sebarang masalah yang mampu menggugat keselamatan diri mereka sudah cukup membuatkan mereka berasa yakin

untuk terus tinggal di negara ini. Kestabilan politik juga dapat dilihat melalui jangka hayat sesebuah kerajaan dalam satu tempoh masa pemerintahan sesebuah kerajaan tersebut dan ini terbukti melalui pemerintahan Malaysia yang diperintah berasaskan perlembagaan (Guild dan Salem, 2005).

Kesimpulan

Motif persekitaran politik yang dibincangkan di atas pastinya dapat menyumbang kepada literatur pengurusan ekspatriat dengan mengemukakan data empirikal berhubung motif ekspatriasi yang mana telah memberi kesan kepada kecemerlangan kerjaya akademik ekspatriat berdikari sewaktu berekspatriasi di negara tuan rumah. Senario keadaan politik yang berlaku di negara asal misalnya peperangan dan halangan terhadap kebebasan berakademik sememangnya telah menjadikan seseorang ekspatriat akademik itu merasa tekanan kesan dari peristiwa hitam yang berlaku. Dengan berlakunya peristiwa sedemikian pastinya akademik ekspatriat berdikari akan mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi mengeluarkan diri mereka dari kemelut yang berlaku di negara asal dengan mencipta peluang berekspatriasi ke negara lain seperti Malaysia yang menjanjikan keselamatan dan jaminan kehidupan yang lebih baik untuk masa hadapan (Armstrong dan Brown, 2005; Dickmann dan Mills, 2010; Muhammad Safuan *et al.*, 2015). Ini kerana bagi setiap individu keselamatan dan keamanan merupakan asas kepada kehidupan yang baik bagi meneruskan kehidupan di dunia ini.

Faktor penolak yang mana merujuk kepada keadaan atau peristiwa yang berlaku di negara asal seperti peperangan, pergaduhan yang membawa kepada keburukan kepada rakyatnya jika terus berada di negara tersebut merupakan tekanan negatif yang akan menyebabkan akademik ekspatriat berdikari mengambil keputusan untuk keluar dari berada di lokasi tersebut (Datta, 2004; Hooghe, 2008; Ari dan Veiga, 2008). Ketidakstabilan politik ini akan memberi kesan yang negatif kepada sistem pendidikan di negara tersebut. Implikasi dari senario tersebut pastinya akan melumpuhkan segala kemudahan-kemudahan prasarana pendidikan serta melenyapkan peluang pendidikan dan kerjaya kepada rakyatnya (Collier *et al.*, 2003; Nunn, 2005; Sharma, 2006; Hooghe, 2008) di negara tuan rumah yang mempunyai persekitaran hidup yang jauh lebih bagus dari negara asal seperti keamanan yang terjamin telah berjaya menarik minat ekspatriat untuk datang ke negara tersebut. Pemilihan negara yang mempunyai kestabilan politik di mana tidak ada unsur keganasan, rusuhan, pergaduhan dan peperangan adalah sesuatu keputusan yang tepat bagi menjamin keselamatan dan kerjaya bagi seseorang akademik ekspatriat berdikari tersebut (Mohamad, 2003; Guild dan Salem, 2005).

Majoriti dari responden kajian bersetuju bahawa kestabilan keadaan politik di negara Malaysia sebagai negara tuan rumah telah menggiatkan kedatangan golongan akademik ekspatriat berdikari mencuba untuk mengubah nasib hidup mereka di Malaysia. Terdapat bukti dari media masa mengenai keadaan keharmonian yang wujud di Malaysia telah berjaya menarik pelabur asing untuk melabur di negara ini, malahan ianya menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan golongan ekspatriat berdikari seperti ahli akademik. Hubungan politik dua hala yang terjalin di antara Malaysia dengan negara-negara luar sama ada negara membangun mahupun negara ke tiga telah memberikan keyakinan kepada golongan ekspatriat berdikari khususnya ahli akademik ekspatriat yang menetap di negara ini, bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang sentiasa mengalukan kedatangan mereka bagi sama-sama membangunkan negara ini.

Bibliografi

- Ackers, L. (2005). Promoting Scientific Mobility and Balanced Growth in the European Research Area. *Innovation: The European Journal of Social Science Research*, 18(3), 301-317.

- Armstrong, M. and Brown, D. (2005). Reward Strategies and Trends in the United Kingdom: The Land of Diverse and Pragmatic Dreams *Compens. Ben. Rev*, 37(4), 41-53.
- Ari, A. and Veiga, F. J. (2008). Political Instability and Inflation Volatility. *Public Choice*, 135, 207-223.
- Bernard, H. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bruce, W. F. Linda K. G and David E. M. (2006). Economic Development: Corruption, Complexity, Wealth and a Contribution to the Theory of Economic Growth. *Journal of Comparative Economics*, 22(4), 185-204.
- Cao, L, Hirschi, A and Deller, J. (2013). The Positive Effects of a Protean Career Attitude for Self-Initiated Expatriates Cultural Adjustment as a Mediator. *Career Development International*, 18(1), 56-77.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Tradition* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Collier, P., Elliott, L., Hegr, H., Hoeffle, A., Reynal-Quero, M. and Sambani, N. (2003). *Breaking the Conflict Trap: Civil War and Development Policy*. Washington: World Bank and Oxford University Press.
- Creswell, J. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among five approach*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Creswell, J. W. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Datta, P. (2004). Push-Pull Factors of Undocumented Migration from Bangladesh to West Bengal: A Perception Study. *The Qualitative Report*, 9(2), 335-358.
- David. N. (2006). The Impact of Corruption on Financial Markets. *Journal of Comparative Economics*, 30(10), 822-836.
- Dickmann, M. and Mills, T. (2010). The Importance of Intelligent Career and Location Considerations Exploring The Decision To Go To London. *Personnel Review*, 39(1), 116-134.
- Gross, R. (2001). *Psychology the Science of Mind and Behaviour 4th Edition*. London: British Library Cataloguing in Publication Data.
- Guild, E. and Salem, J. V. (2005). *International Immigration and Security: Opportunities and Challenges*. London: Routledge.
- Hooghe, M., Trappers, A., Meuleman, B. and Reeskens, T. (2008). Migration to European Countries: A Structural Explanation of Patterns, 1980-2004. *International Migration Review*, 42(2), 476-450.
- Ministry of Higher Education (MOHE). (2017). <http://www.mohe.gov.my/educationmsia/index.php?article=mohe>. Diakses: 5 Januari 2017.
- Ministry of Higher Education (MOHE). *Statistik Perangkaan 2013*. http://www.mohe.gov.my/web_statistik/. Diakses: 5 Januari 2017
- Mohamad, M. (2003). *Terrorism and the Real Issues*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Rudy Adie, R., & Norazah, M. S. (2016). Masa Depan Kerjaya, Perhubungan Kekeluargaan dan Pengangan Hidup Sebagai Motif Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10(2016), 101-114.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., & Rudy Adie, R. (2015). Kerjaya dan Ekonomi Sebagai Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9(2015), 36-47.
- Nunn, A. (2005). The 'Brain Drain' Academic and Skilled Migration to the UK and Its Impacts on Africa. *Policy Research Institute, AUT and NATFHE*.
- Norazah, M. S., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., & Norbayah, M. S. (2014). Budaya dan Pengembaraan Sebagai Pendorong Pemilihan Kerjaya Di Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 8(2014) 73-86.

- Pak, H. M. (2001). Corruption and Economic Growth. *Journal of Comparative Economics*, 29, 66-79.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods (3rd edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Richardson, J. and McKenna, S. (2002). Leaving and Experiencing Expatriation: Why Academics Expatriate and How They Experience Expatriation. *Career Development International*, 7(2), 67-78.
- Richardson, J. and McKenna, S. (2003). International Experience and Academic Careers What Do Academics Have to Say?. *Personnel Review*, 32(6), 774-795.
- Richardson, J. (2006). Self-Directed Expatriation: Family Matters. *Personnel Review*, 35(4), 469-486.
- Rudy Adie, R., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., & Norazah, M. S. (2016). Pendorong Dominan dan Sub Dominan Kejayaan Kerjaya Ekspatriat Akademik Di Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10(2016), 77-85.
- Schoepp, K. and Forstenlechner, I. (2010). The Role of Family Considerations in An Expatriate Majority Environment. *Team Performance Management*, 16(5/6), 309-323.
- Seidman, I. (2006). *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Sciences, (3rd ed.)*. Teachers College Press.
- Sharma, K. (2006). The Political Economy of Civil War in Nepal. *World Development*, 34 (7), 1237-1253.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research: Design and Method 3rd Edition*. Thousand Oaks. C A. Sage.
- Yin, R. K. (2009). *Case study Research: Design and Methods 4th Edition*. Thousand Oaks. C A. Sage.